

20/10/02 - New Sabah Times

Pertandingan Memasak UMS 24 Okt

KOTA KINABALU: Sempena Tamu Gadang Konvokesyen Ke-4, UMS dengan kerjasama Kesumba, PPKA dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) akan menganjurkan pertandingan Memasak pada 24 Oktober ini.

Pertandingan ini bermula jam 9.30 pagi dan diadakan di Tapak Tamu Gadang. Objektif pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang makanan seimbang

seharian dan menjana hidup yang sihat dan ceria.

UMS juga akan menganjurkan Pertandingan Karaoke Terbuka sempena Tamu Gadang pada 23 and 25 Okt.

Pertandingan ini dibahagikan kepada dua peringkat, iaitu peringkat Saringan pada 23 Oktober pukul 2 petang dan peringkat Akhir pada 25 Oktober jam 8 malam. Pertandingan ini dilangsungkan di Tapak Tamu Gadang.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH